

HEBAHAN : UNDANGAN KE PUBLIC SECTOR CHIEF INFORMATION OFFICER CONVENTION AND EXHIBITION (CIO CONVEX) 2019



HEBAHAN : UNDANGAN KE PUBLIC SECTOR CHIEF INFORMATION OFFICER CONVENTION AND EXHIBITION (CIO CONVEX) 2019

2. Sukacita dimaklumkan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan menganjurkan **Public Sector CIO Convex (PSCC) 2019** pada **8 dan 9 Oktober 2019** di **Sime Darby Convention Centre, Bukit Kiara, Kuala Lumpur** dan akan dirasmikan oleh **YBhg Tan Sri Dr. Ismail bin Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara**. Persidangan pada tahun ini adalah bertemakan **Gaining the Edge: Navigating the Future**. Antara objektif persidangan ini adalah untuk menyediakan platform perkongsian idea dan wacana mengenai senario dan trend teknologi terkini melalui agenda pendigitalan. Persidangan ini juga menyediakan peluang kolaboratif strategik antara agensi Kerajaan, akademik, sektor awam dan komuniti sumber terbuka di peringkat tempatan dan antarabangsa yang melibatkan pembentang antarabangsa dan tempatan bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran berhubung emerging technology trends.

3. Sehubungan dengan itu, pihak MAMPU ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan bahawa **satu (1) Karnival Digital yang bakal mempamerkan produk-produk berkaitan dan perkhidmatan daripada sektor awam dan swasta** juga turut diadakan semasa persidangan ini berlangsung. Kehadiran orang ramai dijangka dapat memberikan pendedahan dan meningkatkan lagi pengetahuan mengenai produk-produk dan perkhidmatan serta pelaksanaan inisiatif Kerajaan dan swasta terutamanya melalui senario/trend teknologi ICT terkini.

4. Maklumat lanjut mengenai majlis ini juga boleh diakses melalui <http://cioconvex.mampu.gov.my> atau dengan memuat turun aplikasi **CIO Convex 2019 (PSCC 2019)** di **App Store, Google play** atau **GAMMA.my** ke telefon bimbit anda.